

21/08/2000

Persidangan di Amerika bertujuan serang pucuk pimpinan

KUANTAN, Ahad - Kerajaan Malaysia menyifatkan satu persidangan oleh negara-negara Barat di Amerika Syarikat, membincangkan 'Malaysia Selepas Mahathir' yang dilaporkan sebuah majalah, bertujuan menyerang pucuk pimpinan negara dan bukan Umno.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata ini kerana jika mereka menyerang Umno, ia akan menimbulkan kebencian dan kemarahan rakyat, terutama ahli Umno kepada kaum Yahudi itu.

Bagaimanapun, jika pucuk pimpinan parti diserang, ada kemungkinan 'orang dalam' menyahut seruan mereka.

"Apabila pemimpin itu jatuh, kalau tidak berjaga-jaga, mereka akan mencelah, seperti berlaku di beberapa negara lain, termasuk negara jiran. Apabila parti memerintah jatuh, orang luar mengambil kesempatan, sehingga negara itu tidak berdaya lagi untuk bangun.

"Kita perlu sedar Barat akan terus menyerang negara ini, selepas gagal menguasai ekonomi negara, seperti dilakukan di beberapa negara jiran dan negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis membahas ucapan penutupan Perhimpunan Agung Umno 2000 oleh Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak yang juga Ketua Umno Bahagian Maran dan Setiausaha Parlimen Maran, Datuk Mohamad Abdullah.

Beliau berkata, pembangkang di negara ini juga sedang mencari peluang sama, apabila mereka menyerang Dr Mahathir dengan pelbagai dakwaan.

"Orang tidak sedar perkara ini, malah ada orang Umno sendiri terikat cakap itu," katanya sambil menambah, apa berlaku itu sangat merbahaya dan semua pihak perlu berjaga-jaga, terutama dalam menangkis serangan terhadap Dr Mahathir.

"Dia (Dr Mahathir) sudah tentu tidak sedap mempertahankan diri sendiri. Oleh itu, semua pucuk kepimpinan semua peringkat dan ahli Umno kena sedar dan sama-sama bangun mempertahankan perkara itu.

"Sebenarnya politik kita menguruskan negara, tetapi apa berlaku di kampung tidak mengambil kisah hal negara, malah memainkan isu Islam dengan mengatakan siapa Islam.

"Ini menunjukkan orang Melayu keliru apa sebenarnya kerja-kerja agama dan Pas mengambil peluang mengasak pemikiran mereka," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, Biro Agama Umno sudah menubuhkan Majlis Tindakan Islam, dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi menyelaraskan kerja penerangan kerajaan dan Umno bagi menangkis pelbagai tohmahan pembangkang.

"Kita mula bergerak di pusat dan negeri serta akan turun di peringkat bahagian bagi menerangkan beberapa perkara, termasuk konsep negara Islam, terutama dari segi takrifnya," katanya.

(END)